

01 MAY 1996

Clinton-Malaysia

AMERIKA SYARIKAT PUJI PENCAPAIAN EKONOMI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton semalam memuji Malaysia di atas pertumbuhan ekonomi yang mengkagumkan hingga menyumbang kepada peningkatan dalam hubungan ekonomi dan komersil dua hala.

"Di bawah kepimpinan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr) Mahathir Mohamad, ekonomi Malaysia tumbuh pada tahap yang mengkagumkan. Negara-negara lain juga boleh berjaya dengan mempelajari ekonomi pasaran bebas Malaysia," katanya.

Clinton berkata demikian dalam kenyataannya sebagai membalas kenyataan duta Malaysia yang baru dilantik ke Amerika Syarikat, Datuk Dali Mahmud Hashim, yang menyerahkan watak perlantikannya kepada presiden Amerika dalam satu upacara di Washington semalam.

Kenyataan itu tidak dibacakan tetapi sekadar diserahkan mengikut amalan protokol AS.

Clinton berkata Malaysia merupakan rakan perdagangan Amerika ke-13 terbesar, manakala Amerika adalah pelabur asing dan pasaran eksport terbesar serta rakan perdagangan kedua terbesar bagi Malaysia.

Beliau berkata syarikat-syarikat Amerika, yang telah memainkan peranan dalam pertumbuhan Malaysia, akan terus memainkan peranan mereka untuk menjadikan Wawasan 2020 Dr Mahathir satu kenyataan.

Clinton berkata Amerika akan terus bekerjasama dengan Malaysia dalam Pertumbuhan Perdagangan Dunia dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik untuk mencapai sasaran yang sama dalam perluasan, pertumbuhan dan kemajuan perdagangan.

Beliau berkata Amerika menghargai peranan Malaysia dalam operasi pengaman dan ingin bekerjasama dalam membina semula ekonomi dan menstabilkan ketenteraan Bosnia-Herzegovina.

"Amerika melihat Malaysia sebagai pemimpin serantau dan antarabangsa yang paling kuat, satu daripada rakan ekonomi paling dinamik dan berharga di Asia Tenggara," katanya.

Sementara itu, Dali berkata kedua-dua negara perlu membina atas nilai-nilai positif dan mengelakkan "masalah-masalah" kecil memberi kesan negatif terhadap perluasan keseluruhan dan persahabatan yang memberi faedah bersama.

Beliau menggantikan bekas duta Datuk Abdul Majid Mohamed. -- BERNAMA  
MAM CR AKD